

KERAJAAN MENGUTAMAKAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN

Kerajaan telah melaksanakan pemakaian Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 bertujuan untuk memupuk dan menggalakkan kesedaran keselamatan dan kesihatan di kalangan pekerja dan juga mewujudkan organisasi dan langkah-langkah keselamatan dan kesihatan yang berkesan. Kajian menunjukkan bahawa kemalangan yang sering berlaku adalah berpunca dari kelemahan manusia sendiri iaitu disebabkan oleh sikap mementingkan diri sendiri, kecenderungan salah dan betul, fokus kepada yang salah, persepsi orang ramai mengatasi individu, memandang mudah terhadap insiden kemalangan nyaris serta kurang faham akan maksud keselamatan.

Persekitaran di tempat kerja perlu selamat dan tidak mendatangkan risiko kepada pekerja. Maka ia menjadi agenda utama kepada majikan dalam memastikan tempat bekerja berada dalam keadaan selamat. Walaubagaimanapun, kewajipan untuk mengamalkan keselamatan dan kesihatan bukan hanya terletak pada bahu majikan semata-mata malah pekerja juga perlu memainkan peranan dalam memastikan tidak berlaku sebarang kemalangan di tempat kerja.

Kewujudan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) adalah untuk menjamin keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja dan orang lain secara sah berada di tempat kerja daripada risiko-risiko keselamatan hasil aktiviti pekerjaan di tempat kerja.

Kerajaan Negeri Sembilan telah melantik seorang Pegawai Keselamatan di setiap jabatan masing-masing sebagai langkah memastikan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dapat dilaksanakan mengikut garis panduan yang telah disediakan. Sebagai tempat awam, Perpustakaan perlu memastikan keselamatan dan kesihatan kepada pekerja dan juga orang awam yang datang berkunjung ke perpustakaan.

Perpustakaan bukan sahaja tempat untuk menimba ilmu, tetapi selamat dan selesa untuk mengulangkaji pelajaran dan menambah ilmu pengetahuan. Jadikan perpustakaan tempat selamat dan selesa.

YB. Dato' Haji Mat Ali bin Hassan
Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
Merangkap Pengerusi
Perbadanan Perpustakaan Awam
Negeri Sembilan Darul Khusus



**"BANGSA MEMBACA
1 MALAYSIA BERJAYA"**

www.nslibrary.gov.my

Diterbitkan setiap bulan oleh :
Perbadanan Perpustakaan Awam,
Negeri Sembilan

DAFTARLAH SEBAGAI AHLI


TEMUI KAMI DI :



Perbadanan Perpustakaan
Awam, Negeri Sembilan




BUKU TERKINI DI PPANS



Judul : Clever baby
Pengarang : Simon Cave and Dr. Caroline Fertleman
No. Panggilan : 305.231 CAV
Bahagian : Pinjaman (Dewasa)
Harga :
Penerbit : Connection Book Publishing
M/S : 208ms.



Judul : Airmata Anak-Anak Palestine
Pengarang : Zainudin Hashim
No. Panggilan : 305.23095694 ZAI
Bahagian : Pinjaman (Dewasa)
Harga : RM20.00
Penerbit : Kemilau Publika Sdn. Bhd.
M/S : 269ms.



Judul : Super Woman
Pengarang : Mardiana Mat Ishak
No. Panggilan : 305.42 MAR
Bahagian : Pinjaman (Dewasa)
Harga : RM35.00
Penerbit : PTS Millennia Sdn. Bhd.
M/S : 350ms.



Judul : Pintar Ujian Psikologi & Potensi Akademik
Pengarang : Redaksi Tangga Pustaka
No. Panggilan : 150.287 RED
Bahagian : Pinjaman (Dewasa)
Harga :
Penerbit : Synergy Media
M/S : 192ms.



Judul : Bimbingan Lengkap Solat Sunat
Pengarang : Mahmood Zuhdi Haji Abdul Majid Rohidzir Rals
No. Panggilan : 297.3822 MAH
Bahagian : Pinjaman (Dewasa)
Harga : RM40.00
Penerbit : PTS Millennia Sdn. Bhd.
M/S : 443ms.



ULASAN BUKU

Tajuk : Ustaz, Berapakah Umur Ahli Syurga?
Penerbit: PTS Millennia Sdn Bhd
ISBN : 978-967-411-251-6
Harga : RM 20.00

Sinopsis:

Buku ini adalah himpunan jawapan penulis kepada soalan-soalan yang diajukan menerusi laman sesawang Jabatan Mufti Perlis, talian hukum Jabatan Mufti Perlis, email peribadi, dan Facebook. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa buku ini memuatkan himpunan soal jawab bersifat semasa dan yang sering menjadi kekeliruan dalam masyarakat. Dalam usaha memberi jawapan dan penjelasan itu pula, penulis sentiasa berusaha menjawab setiap soalan yang dilontarkan berpandukan Al-Quran dan As-Sunnah yang shahih. Juga dengan panduan daripada hasil-hasil penulisan para ulama Ahlu As-Sunnah wa Al-Jamaah. Jikalau diperhatikan, kaedah bertanya dan menjawab soalan memiliki kesan yang begitu besar dalam menuntut ilmu. Ilmu itu seperti sebuah menara tinggi yang terserlah, dan ada waktunya kegelapan malam datang melitupi menara itu. Justeru, bersoal jawab itu mengambil peranan lampu yang menyuluh, menerangi menara ilmu yang tinggi, dan menyingkap kesamaran disebabkan sifat tidak tahu. Kerana itu kaedah bersoal jawab ini digunakan dalam Al-Quran dan As-Sunnah.

Semoga buku ini memberi banyak manfaat kepada umat Islam dalam usaha memahami persoalan-persoalan agama. Dapatkan buku ini di Perbadanan Perpustakaan Awam (PPANS) Bahagian Pinjaman Dewasa.

SIDANG PENGARANG BULETIN

PENAUNG

Y.B. Dato' Haji Mat Ali bin Hassan Setiusaha Kerajaan Negeri Sembilan Merangkap Pengerusi Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan Darul Khusus

PENASIHAT

Jamilah @ Chumila binti Haji Katis Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan Darul Khusus

KETUA PENGARANG

Norasyikin binti Yusof Ketua Unit Perhubungan Awam, PPANS

SIDANG PENGARANG

Norhayati binti Ismail
 Siti Juhaida binti Husin
 Amar Affizi bin Aziz
 Ketua-Ketua Bahagian
 Ketua-Ketua Unit
 Ketua-Ketua Zon

PENYELARAS DAN PENGEDARAN

Salwati binti Mohd Salleh
 Unit Perhubungan Awam, PPANS

REKA BENTUK

Nine Over Ten Dot Biz

JURUFOTO

Unit Media PPANS

PENERBITAN

Unit Perhubungan Awam
 Perbadanan Perpustakaan Awam
 Negeri Sembilan Darul Khusus
 Tel : 06-763 5989/06-762 1308
 Faks : 06-763 5944
 E-Mel : proppans@gmail.com
 Laman Sesawang: www.nslibrary.gov.my

Sidang Pengarang Buletin PPANS amat mengalu-alukan pandangan, cadangan dan komentar terhadap buletin ini. Pandangan dan cadangan dalam menambah baik buletin amat dihargai.

GLOSARI ADAT

Tilam Berulas

Nama Salah satu alat Kebesaran Datuk Lembaga.

Nara Garang

Gelaran Adat yang membawa panggilan Tuk. Buapak suku Tiga Batu Maharaja Setia Perut Keru, luak Jempol.

Ompokan

Berikan.

Runcing Tanduk

Seseorang yang dicurigai apabila berlaku sesuatu jenayah kerana ia mempunyai rekod jenayah atau pernah dituduh berbuat jenayah.

Bulat Air Dek Gopong

Persetujuan bersama dan sebulat suara untuk melakukan. Menjalankan, melaksanakan sesuatu keputusan.

Perbilangn

Bulat air dek gopong.
 Bulat manusia dek muafakat.

BERITA GRUP SAYANGI PERPUSTAKAAN

Grup Sayangi Perpustakaan

Assalamualaikum adik – adik, kini tiba bulan Ramadan yang ditunggu – tunggu. Ramadan adalah bulan rahmat, bulan keampunan dan sudah pasti adik - adik kenalah berpuasa.

Kenapa berpuasa? Dari sudut sains, berpuasa sangat bagus untuk kesihatan dalaman manusia. Setiap hari segala macam jenis makanan yang kita makan, pelbagai warna dan pelbagai rasa, perut kita perlukan rehat daripada bekerja keras menghadam makanan. Jadi sepanjang bulan Ramadan, perut akan kembali sihat dan menghindarkan diri kita daripada pelbagai penyakit.



INFO TAHUKAH ANDA?

COKLAT

Coklat merupakan makanan yang digemari oleh semua lapisan masyarakat tidak kira tua atau muda. Coklat boleh dinikmati dan diaplikasikan dalam pelbagai jenis aneka makanan seperti ais krim, minuman, kek, biskut dan banyak lagi.

Fungsi dan pengaruh komponen-komponen aktif yang terkandung dalam coklat menjadikan coklat sebagai makanan yang mempunyai khasiat dan manfaat yang sangat baik dalam kehidupan manusia.



IFTAR ERAT SILATURRAHIM

14 Julai 2014 – Setiap tahun, PPANS mengambil peluang dalam bulan Ramadan membuat beberapa sumbangan terutama sumbangan kepada anak-anak yatim dan ibu atau bapa tunggal.

PPANS memilih Spanish Villa, Taman Tasik Jaya, Senawang sebagai lokasi untuk berkumpul dan mengeratkan ukhuwah sesama rakan sekerja. Majlis berlangsung dengan sangat meriah dan penyampaian sumbangan duit raya dan kuih raya kepada semua, kakitangan oleh Puan Jamilah, Pengarah PPANS.

Acara ini telah dilaksanakan setiap tahun dan semua kakitangan hadir memberi sokongan.



TINGKATKAN AMALAN BERSEDEKAH PADA BULAN RAMADAN


Seremban – Kakitangan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan dan Penyelia-Penyelia Perpustakaan Negara di bawah anjuran Kelab KESUKA PPANS telah mengadakan Program Memasak Bubur Lambuk pada 16 Julai 2014.

Program dimulakan seawal jam 8.00 pagi dengan persiapan bahan masakan oleh kakitangan perempuan. Manakala peralatan dan memasak diserahkan kepada kakitangan lelaki. Program seperti ini adalah untuk mengeratkan silaturrahim antara kakitangan dan menggalakkan amalan bersedekah pada bulan yang mulia.



SYIAR RAMADAN DI PERPUSTAKAAN DESA TAMAN INTAN PERDANA

Port Dickson – Sempena menyambut Bulan Ramadhan 1435 Hijrah, Perpustakaan Desa Taman Intan Perdana telah menganjurkan Program Syiar Ramadhan pada 7 Julai 2014. Antara aktiviti yang diadakan adalah Bacaan Yassin & Tahlil, Pertandingan Tilawah Al-Quran dan Pertandingan Menulis Tulisan Khat. Seramai 95 peserta yang mengambil bahagian terdiri daripada pelajar-pelajar Sekolah Rendah Agama Rakyat Al-Ehsaniah, Taman Intan Perdana. Guru-guru turut bersama-sama menjadi tetamu jemputan dan juga menjadi hakim pertandingan. Objektif program adalah bertujuan untuk menyedarkan tentang kepentingan menghidupkan bulan Ramadhan Al-Mubarak, menggalakkan ibadah membaca Al-Quran di kalangan guru dan pelajar serta mengeratkan hubungan silaturrahim antara warga sekolah.



MEMBINA KEYAKINAN DENGAN MENGEJA

Rembau – Perpustakaan Desa Kg. Legung Ulu telah mengadakan Pertandingan Spelling di kalangan pelajar sekolah pada 26 Julai 2014. Pelajar yang menyertai sangat bersungguh-sungguh mengeja dan berjaya menghabiskan pertandingan dengan jayanya. Tahniah!



JASAMU SANGAT DIKENANG

Seremban – Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Mantan Imam Besar Masjid Negeri, Ustaz Haji Damiri Yahya atas segala jasa baik dan kerjasama dalam melaksanakan pelbagai aktiviti Perpustakaan Masjid Negeri. Sebagai tanda penghargaan, harap ustaz sudi terima cenderamata dari PPANS. Semoga ustaz sentiasa dirahmati Allah di mana sahaja berada.



KREATIVITI MENJELANG HARI RAYA

Kuala Pilah – Perpustakaan Desa Kg Terusan Seberang telah mengadakan Majlis Bacaan Yasin dan Pertandingan Membuat Ketupat Raya pada 11 Julai 2014. Sambutan sangat menggalakkan daripada penduduk wanita sekitar perpustakaan.



GOTONG ROYONG ERAT PERPADUAN

Kuala Pilah – Perpustakaan Desa Kg Rembang Panas telah mengadakan Program Gotong Royong Memasak Bubur Lambuk pada 15 Julai 2014. Semangat kerjasama dalam menguruskan dan memasak Bubur Lambuk dalam mengeratkan lagi silaturrahim sesama rakan sekerja dan penduduk kampung berdekatan.



UJI MINDA KANAK-KANAK DI PD JELAI 4

Pertandingan Menguji Minda telah dijalankan bersama-sama Tadika Kemas Jelai 2. Seramai 23 orang peserta tadika telah terlibat dalam program ini dengan tujuan mencungkil bakat yang terpendam di peringkat usia muda. Malah sekiranya amalan membaca ini dipupuk dan diamalkan sejak dari kecil lagi banyak nilai-nilai positif yang diperolehi. Antaranya ialah individu berkenaan mempunyai ilmu pengetahuan yang meluas dalam pelbagai bidang dan berkemampuan berfikir dengan lebih kreatif dan kritis.



PROGRAM IHYA RAMADAN DI PERPUSTAKAAN

Pada 19 Julai 2014, Program Ihya Ramadan anjuran Perpustakaan Desa Taman Bukit Intan dengan kerjasama JKKK, Masjid Saidina Ali, Wanita & Tabika KEMAS Taman Bukit Intan telah diadakan dengan beberapa pengisian aktiviti seperti Gotong-royong membuat bubur lambuk, Pertandingan Muazzin Muda (kanak-kanak Tahap 2), Pertandingan Hafaz Surah Lazim (Kanak-kanak Tahap 1) dan Anugerah Pembaca Terbanyak kategori dewasa, remaja & kanak-kanak.



KANAK-KANAK GEMBIRA DI PERPUSTAKAAN

Kanak-kanak Tadika Kemas Taman Woon telah diraikan dengan mengadakan Pertandingan Mencantum Gambar semasa lawatan ke Perpustakaan Awam Cawangan Tampin. Seramai 28 orang kanak-kanak Tadika Kemas Taman Woon menyertai pertandingan tersebut. Perpustakaan bukan sahaja tempat membaca buku dan meminjam buku, perpustakaan adalah tempat yang seronok untuk dikunjungi kerana pelbagai aktiviti menarik disediakan.

